

Warga kerja DBKL janjikan komitmen

KUALA LUMPUR 14 Dis. - Seluruh kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengalu-alukan pelantikan Datuk Ahmad Fuad Ismail sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur yang baru.

Mereka berjanji akan memberikan komitmen dan kerjasama terbaik kepada Ahmad Fuad yang dilantik ke jawatan itu berkuat kuasa hari ini demi kepentingan serta pembangunan berterusan ibu negara.

Ketua Pengarah DBKL, Datuk Salleh Yusup berkata, bagi membentuk sebuah bandar raya maju, daya kepimpinan berbeza amat diperlukan dalam sesebuah organisasi termasuk DBKL.

Jelasnya lagi, pertukaran individu bagi sesuatu jawatan adalah perkara biasa dan perlu dilalui apabila seseorang itu tamat tempoh kontraknya.

"Sebelum ini, saya telah bekerja dengan lapan orang Datuk Bandar Kuala Lumpur dan masing-masing mempunyai keistimewaan tersendiri dengan membawa pelbagai perubahan serta pembangunan," katanya.

"Jadi sudah tentu tiada masalah bagi warga kerja DBKL menerima kehadiran Datuk Bandar Kuala Lumpur baru yang pastinya mempunyai daya kepimpinan serta perancangan tersendiri dalam membangunkan Kuala Lumpur," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Karnival Rakan Taman DBKL 2008 di Taman Tasik Titiwangsa di sini semalam.

Semalam, Ahmad Fuad yang merupakan Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diumumkan sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur yang ke-9 berkuat kuasa hari ini sehingga 31 Disember 2010.

Beliau menggantikan Datuk Ab. Hakim Borhan yang tamat tempoh perkhidmatannya semalam.

Pelantikan tersebut diumumkan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan menerusi satu kenyataan.

Mohd. Sidek berkata, Ahmad Fuad mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pentadbiran kerajaan tempatan dan pembangunan sumber manusia sepanjang 32 tahun perkhidmatannya sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD).

Ini termasuk sebagai Ketua Setiausaha KPKT mulai 12 Januari 2006, tujuh tahun sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) serta sebagai Pengurus Besar, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) selama hampir tiga tahun.

Salleh menambah, beliau percaya Ahmad Fuad akan memberikan komitmen terbaik

dalam membangunkan Kuala Lumpur selari dengan kemahuan kepimpinan negara serta hasrat rakyat.

Dalam pada itu, katanya, seluruh kakitangan DBKL juga merakamkan penghargaan kepada Ab. Hakim sepanjang menerajui pihak berkuasa tempatan itu.

"Saya mewakili warga kerja DBKL ingin merakamkan ucapan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ab. Hakim di atas segala sumbangan dan khidmat bakti yang diberikan sepanjang tempoh dua tahun beliau memegang jawatan sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur," ujarnya.

Sementara itu, Salleh berkata, DBKL sedang mengenal pasti projek-projek pembangunan di kawasan bercerun melebihi 35 darjah di sekitar Kuala Lumpur.

Katanya, setakat ini, hanya tiga projek pembangunan kawasan cerun telah dikenal pasti berisiko iaitu di projek Damansara 21 di Medan Damansara, pembinaan satu blok pangsapuri di Bukit Ceylon dan pembinaan lot banglo di Bukit Gasing.

"Sekiranya terdapat kawasan baru lain yang dikenal pasti, DBKL akan meminta Datuk Bandar mengarahkan pemaju menghentikan projek tersebut sejajar dengan arahan kerajaan supaya projek seperti itu dihentikan segera," katanya.



TAK TAKUT KE... Salleh Yusup (kiri) bermesra dengan Tuan Muzamil Farhan (tengah) yang mencuba aktiviti *flying fox* pada Karnival Rakan Taman DBKL 2008 di Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur, kelmarin.